

SIRI
SYARAHAN
UMUM
KEBANGSAAN



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Disebalik Tabir


Upin & Ipin

Dari Kaca Mata Tok Dalang

Pemidato Utama:

**Haji Burhanuddin
Bin Md Radzi**

Pengarah Urusan,
Les' Copaque Production Sdn. Bhd.



18 September 2013 (Rabu)

2:00 Petang

Dewan Kompleks Sukan,
UMP Kampus Gambang

Disebalik Tabir
Upin & Ipin
Dari Kaca Mata
Tok Dalang

Pemidato Utama:
Haji Burhanuddin Bin Md Radzi
Pengarah Urusan, Les' Copaque Production Sdn. Bhd.

LATAR BELAKANG PROGRAM

Siri Syarahan Umum Universiti Malaysia Pahang (UMP) adalah merupakan satu program yang terancang bertujuan untuk menyalurkan dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat. Secara tidak langsung ia juga merupakan sumbangan Universiti secara terus kepada masyarakat dalam usaha mengeratkan hubungan dua hala antara Universiti dan masyarakat.

Melalui program ini, UMP berusaha mengetengahkan dan menyalurkan pengetahuan serta penemuan tokoh-tokoh terkemuka dari dalam dan luar negara kepada masyarakat. Siri Syarahan Umum ini juga merupakan satu forum yang mengupas dan membincangkan masalah-masalah serta isu-isu masyarakat agar penyelesaian dapat dipertimbangkan bersama.

Terdapat tiga kategori siri syarahan umum UMP iaitu Syarahan Umum Profesor, Syarahan Umum Kebangsaan dan Syarahan Umum Antarabangsa.

Di antara pemedato utama yang telah dijemput untuk Siri Syarahan Umum Kebangsaan iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Proton Holdings Berhad, YM Tengku Tan Sri (Dr.) Mahaleel dan Perdana Menteri Malaysia Ke-4, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.

BIODATA PEMIDATO UTAMA

Beliau dilahirkan pada 4 September 1956 di Banting Selangor dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Petroleum dan Gas Asli) Dengan Kepujian dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Sebaik sahaja menamatkan pengajian pada tahun 1982, beliau menyertai PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. sebagai Jurutera Petroleum. Kerjayanya terus meningkat seiring dengan pelbagai jawatan yang disandang. Pada tahun 1989, beliau telah dianugerahkan Anugerah Kecemerlangan di atas sumbangan beliau dalam mereka cipta telaga minyak mendatar yang pertama di Malaysia, di kawasan Baronia, Sarawak. Hasil usaha ini kemudiannya menggiatkan lagi aktiviti industri perlombongan minyak negara.

Antara salah satu jawatan terpenting yang pernah disandang beliau sebelum meninggalkan PETRONAS adalah sebagai Ketua Operasi Pengeluaran bagi kawasan Baram Delta, Miri, Sarawak pada tahun 1990. Setelah berhenti dalam Petronas Carigali, beliau kembali ke Kuala Lumpur pada tahun 1992 untuk menumpukan tugas-tugas menjaga kedua orang tuanya yang mengalami masalah kesihatan.

Beliau kemudiannya menyertai Sarku Resources Sdn. Bhd., anak syarikat Samling Group pada tahun 1992 sebagai Pengarah Teknikal. Syarikat ini bertanggungjawab dalam 'top side maintenance' pelantar minyak dan gas.



Pada tahun 1994, beliau dipelawa menyertai Dayang Enterprise Sdn. Bhd. (DESB) sebagai Pengarah Urusan dan juga sebagai rakan kongsi. Pada awal penyertaannya, keuntungan tahunan syarikat adalah sekitar RM 10 juta dan selepas dua tahun, jumlah itu meningkat kepada RM 40 juta setahun. Menjelang 2000, DESB telah berjaya mendapatkan kontrak penyelenggaraan bahagian 'top side maintenance' minyak dan gas dan sekaligus meningkatkan keuntungan syarikat kepada sekitar RM 130 juta setahun dengan pertambahan jumlah tenaga kerja sehingga 2000 orang.

Disebabkan keinginan beliau yang sentiasa mencuba pengalaman baharu yang mencabar ditambah dengan persekitaran kerja yang sentiasa berubah-ubah, beliau akhirnya menjual ekuiti yang dimiliki dalam DESB dan pada tahun 2005, beliau menubuhkan Les' Copaque Production Sdn. Bhd. yang telah berjaya menghasilkan Filem Animasi Malaysia yang pertama, "Geng: Pengembaraan Bermula" yang mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan dengan modal sebanyak RM 4 juta. Ia disiarkan kepada umum pada Februari 2009 dan menjadi filem tempatan kedua yang berjaya mendapat kutipan tertinggi sebanyak RM 6.3 juta menerusi penjualan tiket. Selain itu, syarikat penerbitan ini juga bertanggungjawab menghasilkan siri animasi Upin & Ipin yang mendapat sambutan hangat masyarakat tempatan dan serantau Asia.

Syarikat ini juga mewujudkan sebuah anak syarikat yang dikenali sebagai Les' Copaque Production Subsidiaries Company yang terdiri dari LC Merchandising Sdn. Bhd. yang mengawal penghasilan, perlesenan dan pengedaran produk berasaskan jenama "Geng: Pengembaraan Bermula" dan Upin & Ipin, LC Games Development Incorporation Sdn. Bhd. yang mengkhusus dalam membangunkan permainan berasaskan jenama Upin & Ipin untuk komputer dan telefon bimbit dan LC Amazing Adventure Sdn. Bhd. yang merupakan taman tema tersendiri berasaskan ikon syarikat iaitu Upin & Ipin.

Syarikat ini turut berjaya memenangi beberapa anugerah antaranya *KLIFF Best Animation (2007)*, *Best of Screen Chemistry-Shout Award (2009)* *Lolipop Award Indonesia-Animasi Favorit Upin & Ipin*, *Global Emerging Innovative Entrepreneur Award 2009* dan banyak lagi.

TENTATIF PROGRAM

- 1:45 petang : Kehadiran Staf dan Pelajar
: Kehadiran Pegawai Kanan Universiti / Tetamu
- 2:00 petang : Ketibaan Naib Canselor UMP
- 2:15 petang : Ketibaan Pemidato Utama Siri Syarahan Umum Kebangsaan
Tuan Haji Burhanuddin bin Md Radzi,
Pengarah Urusan, Les' Copaque Production Sdn. Bhd.
- 2:30 petang : Lagu Negaraku & Maju Gemilang
: Bacaan doa
: Ucapan Naib Canselor UMP dan memperkenalkan Pemidato Utama
oleh Naib Canselor UMP
: Ucaptama oleh Tuan Haji Burhanuddin bin Md Radzi
"Disebalik Tabir Upin & Ipin Dari Kaca Mata Tok Dalang"
: Sesi Soal Jawab
: Penyampaian Cenderahati
: Bersurai

JAWATANKUASA PELAKSANA SIRI SYARAHAN UMUM KEBANGSAAN 2013

Penasihat

YH. Profesor Dato' Ir Dr. Badhrulhisham Bin Abdul Aziz
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Pengerusi

Profesor Dr. Zulkefli Bin Yaacob
Pengarah, Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM)

AHLI JAWATANKUASA

Jemputan Luar

(Industri / Agensi Kerajaan / Swasta)

Pn. Mawarni Yusmi Mohd Yusop

Jemputan Pelajar

En. Abdul Rahman Ahmad
Y.H. Raja Allen Jordan Izzuddin Shah
En. Mohd Azmi Bin Abd Razak

Penerbitan

En. Muhammad Azli Shukri
Cik Shalfarina Shahrman

Logistik & Persiapan Majlis

Pn. Yusmaliza Kamela Mohamed Ali

Siaraya

En. Wan Mohd Hafiz Wan Harun
En. Ariff Ariffin

Grafik

En. Azman Md Diah

Promosi & Publisiti

Pn. Mimi Rabita Abd Wahit
Pn. Nor Salwana Mohammad Idris

Teks Ucapan

En. Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain

Sambutan

En. Mohd Pahmi Abdul Hamid

Pameran

Pn. Juliana Mohd Ali
Pn. Norul Fadilah Abdullah

Keselamatan

En. Shahrin Nizam Abdul Rahman

Kesihatan

Dr. Khairul Salleh Abdul Basit

Tugas-Tugas Khas

En. Faisal Jusoh
En. Hizir Mohtar

Sekretariat, Jamuan & Cenderahati

En. Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais
Pn. Finny Mohamed

Pengacara Majlis

En. Mohd Ferdaus Musa

PENGHARGAAN

Ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa, industri, agensi dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan program yang bersejarah ini.

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang

Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel: +609-549 2020

Fax: +609-549 3199

e-Mel: pro@ump.edu.my

www.ump.edu.my

www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang

